

**Identiti dan Perjuangan Penulis Wanita Dalam Sastera Melayu
Kontemporari**
Identity and Struggle of Women Writers in Contemporary Malay Literature

Tuan Rusmawati Raja Hassan
Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan
rusmawati.rh@umk.edu.my

Received: 15 July 2025; Published: 07 December 2025

Cite this article (APA) as:

Raja Hassan, T. R. (2025). Identiti dan Perjuangan Penulis Wanita Dalam Sastera Melayu Kontemporari. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(2), 80 - 93. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/198>

ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis dekskriptif. Objektif kajian ini ialah mengkaji dinamika kepengarangan penulis wanita Pantai Timur melalui analisis terhadap karya dua penulis wanita kontemporari Malaysia, iaitu Fatimah Busu dan Rebecca Ilham. Permasalahan kajian berpusat pada persoalan bagaimana kedua-dua pengarang ini mewakili pengalaman wanita dalam konteks budaya Timur yang dipengaruhi oleh struktur patriarki, tradisi, dan cabaran modeniti. Objektif utama kajian ini ialah untuk menelusuri pendekatan naratif, tema feminisme, dan wacana identiti wanita yang diketengahkan oleh Fatimah Busu dan Rebecca Ilham serta membandingkan bentuk resistensi yang mereka tampilkan terhadap norma sosial. Dari sudut metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis teks dengan meneliti karya terpilih kedua-dua penulis berdasarkan kerangka teori feminisme pascakolonial dan pendekatan sosiobudaya. Hasil dapatan menunjukkan bahawa Fatimah Busu cenderung kepada kritikan sosial dan gaya realisme sosiologis dalam mengangkat isu wanita desa dan marginalisasi, manakala Rebecca Ilham lebih menonjolkan pendekatan introspektif dan eksistensial dalam mendedahkan konflik batin wanita urban dalam persekitaran moden. Implikasi kajian ini memperlihatkan bahawa karya penulis wanita Timur berperanan penting dalam memperkayakan wacana kesusasteraan wanita dan memperkukuh suara intelektual wanita dalam ruang sastera kebangsaan, sekaligus mencerminkan kebangkitan kesedaran gender dan budaya dalam masyarakat Malaysia.

Kata kunci: Penulis wanita, Identiti, Perjuangan, Feminisme pascakolonial, Sastera Melayu kontemporari.

ABSTRACT

This study is a qualitative study using library research and descriptive analysis methods. This study examines the dynamics of Eastern women's authorship through an analysis of the works of two contemporary Malaysian women writers, Fatimah Busu and Rebecca Ilham. The core problem of the study centres on how these two authors represent women's experiences within an Eastern cultural context shaped by patriarchal structures, tradition, and the challenges of modernity. The main objective of this study is to explore the narrative approaches, feminist themes, and discourses of women's identity highlighted by Fatimah Busu and Rebecca Ilham, as well as to compare the forms of resistance they express against social norms. Methodologically, this study employs a qualitative textual analysis by examining selected works of both writers based on the framework of postcolonial feminist theory and a sociocultural approach. The findings show that Fatimah Busu tends toward

social criticism and a sociological realist style in addressing issues concerning rural women and marginalisation, whereas Rebecca Ilham emphasises a more introspective and existential approach in revealing the inner conflicts of urban women in modern settings. The implications of this study demonstrate that the works of Eastern women writers play an important role in enriching women's literary discourse and strengthening the intellectual voice of women within the national literary sphere, thereby reflecting the rise of gender and cultural consciousness in Malaysian society.

Keywords: Women writers, Identity, Struggle, Postcolonial feminism, Malay Contemporary literature

PENGENALAN

Sejak zaman persuratan klasik lagi, watak wanita telah pun mengambil tempat dalam wacana sastera Melayu sebagai subjek yang penting dan berperanan. Dalam lipatan sejarah yang panjang dan berliku, nama-nama seperti Puteri Gunung Ledang, Tun Fatimah, Tun Teja dan Cik Siti Wan Kembang bukan sahaja mengisi ruang hikayat dan cerita rakyat, malah menjadi simbol kepada kekuatan, kebijaksanaan serta pengaruh wanita dalam kerangka sosial dan politik Melayu. Memetik pandangan Harun Mat Piah (2003) dan Haryati Hasan (2014), karya-karya Melayu klasik, baik yang bersifat lisan mahupun tulisan, telah memberikan gambaran bahawa wanita bukan sekadar penghias naratif, bahkan sering muncul sebagai pelaku utama yang mempengaruhi jalur peristiwa. Dalam *Sejarah Melayu* dan *Tuhfat al-Nafis* misalnya, watak wanita digambarkan sebagai sosok yang mendamaikan konflik, melindungi maruah negeri, malah kadangkala menggegarkan kedudukan takhta.

Ketika zaman berubah menginjak ke era peralihan abad ke-19 dan ke-20, suara wanita dalam sastera turut mengalami transformasi. Melalui karya-karya seperti *Hikayat Faridah Hanum* (1925) dan *Iakah Salmah?* (1927), perjuangan emansipasi wanita mula disuarakan dalam bentuk kritikan sosial yang halus namun tajam. Menurut Othman Kelantan (1987), penulisan era 1920-an hingga 30-an walaupun didominasi pengarang lelaki, tetap memperlihatkan usaha memperjuangkan martabat wanita keluar dari belenggu norma dan adat yang menyekat. Berdasarkan analisis Asniza (2019), naratif wanita dalam sastera Melayu bersifat pelbagai; ada yang lembut tetapi keras, manja tetapi tegas, serta tabah namun tersimpan duka. Dalam konteks ini, wanita tidak lagi dilihat sebagai lambang kelemahan, bahkan menjadi metafora kepada ketahanan, kebijaksanaan dan keberanian. Watak-watak seperti Mahsuri, Puteri Santubong, dan Dang Anum ditampilkan sebagai manifestasi konflik antara kehormatan peribadi dengan tekanan budaya dan masyarakat.

Menyusuri jejak tokoh-tokoh wanita ini dalam sastera klasik dan moden, kita dapat menilai bahawa citra wanita dalam kesusasteraan Melayu bukanlah satu dimensi. Ia berkembang, berubah, dan menyerap pelbagai pengaruh zaman. Dalam ruang lingkup persuratan moden, pengarang wanita seperti Fatimah Busu dan Khadijah Hashim pula menyambung legasi ini dengan menyuarakan pergelutan dalaman, identiti serta ketidakadilan yang dihadapi wanita secara lebih jujur dan lantang. Misalnya, watak Mazni dalam 'Badai Semalam' oleh Khadijah (2011) memaparkan dunia kehidupan susah payah seorang wanita dari perspektif penulis wanita sendiri (Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah, 2018:148). Secara keseluruhannya, watak wanita dalam sastera Malaysia adalah bayangan sejarah dan pancaran realiti sosial yang dinamik. Dengan memerhatikan lapisan demi lapisan watak dan makna yang terjalin, jelaslah bahawa wanita bukan hanya penghias cerita, tetapi penentu arah dan pemegang makna dalam naratif bangsa.

OBJEKTIF

Objektif makalah ini adalah untuk membincangkan secara deskriptif identiti dan perjuangan penulis wanita pantai timur dalam perkembangan sastera kontemporari. Fokus perbincangan ditumpukan kepada penglibatan penulis pantai timur semenanjung Malaysia, di Kelantan. Beberapa orang tokoh penulis kontemporari yang dibincangkan penglibatannya adalah Fatimah Busu, Nik Hazlina binti Nik Hussain, Norhayati Ab. Rahman, Zawiah binti Che Pa dan Rebecca Ilham. selain itu, analisis ini juga menyoroti secara historikal penglibatan wanita sebagai watak-watak yang ditampilkan dalam karya baik yang dihasilkan oleh pengarang lelaki mahupun pengarang wanita sendiri.

METODOLOGI

Analisis ini adalah sebuah analisis kepustakaan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Kajian kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan atau sumber berkaitan dengan karya-karya penunlis Wanita di Malaysia sertakan membuat pembacaan terperinci terhadap penglibatan dua orang pengarang Wanita Kelantan iaitu Fatimah Busu dan Rebecca Ilham. A. Halim Ali (2019) menyebutkan kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain.

PENGLIBATAN WANITA DALAM PENULISAN KREATIF

Merujuk kepada sejarah penulisan wanita Melayu, ia merupakan satu aliran kesedaran yang muncul daripada denyut nadi kaum hawa yang mendambakan ruang untuk bersuara, berfikir dan menzahirkan rasa. Rosnah Baharuddin (2003:24) merakamkan bahawa permulaan penglibatan aktif wanita dalam lapangan penulisan di Semenanjung Tanah Melayu berkait rapat dengan penerbitan *Bulan Melayu* pada Jun 1930 di Johor Bahru. Majalah ini bukan sekadar naskhah periodikal, malah berfungsi sebagai wadah rasmi kepada Persekutuan Guru-Guru Perempuan Melayu Johor yang diasaskan oleh tokoh pendidik unggul, Hajah Zainun Sulaiman atau lebih dikenali sebagai Ibu Zain merupakan Penyelia Sekolah-Sekolah Perempuan Johor ketika itu. Bersama rakan-rakan pendidik wanita, beliau telah meneroka medan penulisan sebagai satu usaha memperkasa pemikiran dan martabat wanita. *Bulan Melayu* tidak hanya menjadi cerminan aspirasi pendidikan, malah medan awal bagi kaum wanita menzahirkan bakat kepengarangan mereka.

Lewat tahun 1930-an hingga 40-an, kegiatan literatur Melayu dirancakkan lagi dengan sumbangan ramai wartawan tempatan yang menulis aneka ragam tema yang menjadikan sastera tentang wanita semakin intens dan rumit. Tahun-tahun ini juga menyaksikan kemunculan cerpenis dan novelis pertama di Malaysia iaitu Hafsa yang menulis cerpen "Kesedihan Perkahwinan Paksa" (1934). Berbeza daripada kebanyakan karya sezaman yang mengangkat citra wanita menurut acuan adat, *Acuan Makhota* (1937) karya Abdul Kadir Adabi tampil dengan pendekatan yang jauh lebih progresif dan radikal. Dengan berlatar pergolakan sejarah Kelantan, novel ini menyerlahkan pengaruh serta keberanian wanita dalam mencorakkan lanskap politik dan pentadbiran negeri.

Dalam penceritaan yang diinspirasi daripada peristiwa sejarah, wanita bukan sekadar berperanan sebagai lambang kesetiaan atau ketaatan, tetapi tampil sebagai agen utama yang mencetuskan krisis politik besar sehingga mampu menjatuhkan institusi raja. Melalui tindakan berani dan penuh strategi, watak wanita dalam novel ini mengubah haluan kepimpinan negeri dan akhirnya menyatukan Kelantan yang selama ini terpecah oleh konflik dalaman. Sebagai karya saduran sejarah, *Acuan Makhota* menggabungkan unsur realiti dengan kekuatan imaginasi pengarang. Menurut S.Othman Kelantan (1987), karya ini digarap dengan kecemerlangan dari sudut ragam imaginasi serta kepekaan emosi yang tinggi, menjadikannya antara naskhah penting dalam perkembangan novel sejarah Melayu moden. Dengan sentuhan naratif yang mengesankan, Abdul Kadir Adabi tidak hanya mempersembahkan kisah wanita, tetapi menjadikan wanita sebagai pemacu perubahan dan peralihan kuasa dalam sistem pemerintahan tradisional. Justeru, *Acuan Makhota* membuka ruang kepada pembacaan semula tentang peranan wanita dalam sejarah dan sastera bahawa mereka bukan hanya pelengkap cerita, tetapi penggerak utama kepada perubahan bangsa dan negara.

Dekad 1940-an menyaksikan kemunculan dua sosok awal dalam arena penulisan novel Melayu wanita, Rafiah Yusuf dengan *Cerita Budiman* (1941) dan A. Kamariah dengan *Dua Pengembara* (1941). Kedua-dua novel mengangkat gambaran wanita ideal bersumberkan pandangan adat dengan ciri utama iaitu ketaatan dan kesetiaan. Walau bagaimanapun, tumpuan pena wanita terhenti seketika antara tahun 1942 hingga 1947 akibat gelora Perang Dunia Kedua yang menggugat kelangsungan kegiatan sastera. Seusai perang, penulis wanita kembali bangkit mengisi kekosongan dengan semangat baharu.

Menjelang tahun 1950-an, karya-karya Melayu genre novel dan cerpen terus berkembang pesat. Namun, temanya tidak banyak berubah, masih bersangkut-paut soal cinta muda-mudi dan kesedaran wanita terhadap peri pentingnya suara mereka dalam wacana masyarakat dilihat semakin ketara. Tokoh seperti Jahlelawati, *Cincin Kahwin* (1948), Kamariah Saadon, *Panggilan Ibunda* (1948), Adibah Amin *Gadis Sipu*, (1949). Anis Sabirin, Salmi Manja, Hamidah Hassan dan Hamsiah Abdul Hamid pula tampil dengan karya-karya yang membongkar permasalahan dan peranan wanita. Adibah Amin, yang juga puteri sulung Ibu Zain, menelusuri dunia penulisan sejak usia remaja, bukan sahaja kerana minat tetapi juga desakan ekonomi demi melanjutkan pelajaran. Karya awal beliau seperti *Puteri Asli* (1949), yang diadaptasi daripada *The Little Princess*, dan *Gadis Sipu*, dari *House at the Corner* karya Enid Blyton, diterima baik oleh khalayak. Novel ketiganya, *Bangsawan Tulen* (1950), merupakan karya asli yang menunjukkan kematangannya sebagai penulis muda. Kejayaan ini membuka jalan kepada penerimaan lebih luas terhadap karya-karya wanita dalam kalangan pembaca dan penerbit. Adibah turut menulis cerpen yang disiarkan dalam majalah seperti *Ibu* dan *Hiboran*, menjadikan namanya semakin menonjol dalam kalangan penulis muda berbakat. Manakala Kalsom Saadon pula muncul dengan novel *Jiwa Kebangsaan* (1950).

Dengan kemunculan gerakan ASAS 50, landskap kesusasteraan Melayu moden menyaksikan kelahiran penulis-penulis mapan yang berani merombak tema dan pendekatan sastra yang statik. Gerakan ini tidak sekadar memperjuangkan seni untuk masyarakat, tetapi turut mengangkat isu-isu sosial yang selama ini tersisih daripada wacana arus perdana, termasuklah persoalan penindasan terhadap wanita. Dalam arus perubahan itu, *Rumah Itu Dunia Aku* (1951) karya Hamzah Hussin muncul sebagai naskhah penting yang serius dan tegang dalam membahaskan realiti kewanitaan yang tertindas oleh dominasi lelaki. Melalui watak Lin, pengarang menampilkan sosok wanita yang pasrah, fatalistik, dan pesimistik satu cerminan kepada mentaliti wanita yang telah lama terkepung dalam kerangka budaya patriarki yang toksik. Lin digambarkan sebagai manusia torso cacat akal dan emosi yang menerima layanan kejam, penghinaan dan penderaan fizikal serta seksual tanpa sebarang bentuk penentangan.

Dalam naratif yang gelap dan suram, Lin dilayan seperti abdi oleh ibu tirinya, dimaki oleh ayahnya, dan cuba dinodai berkali-kali oleh abang kandung sendiri. Sikapnya yang terlalu merendah diri menyebabkan dia tunduk sepenuhnya kepada nasib, menjadikan dirinya simbol wanita yang hilang hak, suara dan daya juang. Kemuncak cerita yang berakhir tanpa sebarang penyelesaian positif apabila Lin dicekik sehingga koma oleh Husni merupakan satu bentuk kegetiran realiti yang sengaja ditinggalkan terbuka oleh pengarang. Menurut S.Othman Kelantan (1987), pengakhiran yang tragik ini bukanlah kelemahan naratif, sebaliknya merupakan pilihan sedar yang berpaksikan falsafah seni untuk seni. Dalam perspektif ini, pengarang tidak berhasrat memberikan deduksi moral atau penyelesaian sosial. Sebaliknya, beliau memperlihatkan hakikat dan kebuntuan yang wujud dalam kehidupan sebenar wanita-wanita seperti Lin. Oleh itu, *Rumah Itu Dunia Aku* bukan sekadar novel, tetapi wacana yang mempersoalkan struktur patriarki yang membungkam suara wanita dan melakar nasib mereka sebagai korban yang terbiar dalam sistem sosial yang tidak adil. Novel ini juga membuka ruang kepada pembacaan feminis yang lebih mendalam terhadap penggambaran wanita sebagai subjek tertindas dalam karya awal kesusasteraan pascaperang.

Siti Mariam Nordin pula tampil dengan novel-novel seperti *Hartawan Bakti*, *Anak Penebus Dosa* dan *Kebahagiaaan Sabar*, dua daripadanya diterbitkan sendiri. Namun, keterbatasan populariti beliau membatasi penerimaan terhadap karya-karyanya. Dalam konteks ini, peranan media massa dalam dekad 1950-an wajar diiktiraf kerana memberikan ruang khas kepada wanita berkarya, terutamanya melalui kolum dalam majalah *Mutiara* dan *Mingguan Melayu*. Hal ini membuka ruang latihan dan pembinaan keyakinan kepada penulis sebelum beralih kepada penghasilan novel sepenuhnya. Penulis seperti Kamariah dan Kalsom Saadon memanfaatkan peluang ini sepenuhnya.

Tahun 1960-an membawa arus kesedaran yang lebih lantang melalui karya Salmi Manja seperti *Hari Mana Bulan Mana* (1960) dan *Dari Mana Punai Melayang* (1961) yang menyuarakan idealisme wanita progresif serta perjuangan menerusi persatuan. Hamidah Hassan dengan *Meniti Pelangi* (1964), Adibah Amin menerusi *Seroja Masih di Kolam* (1968) dan Khadijah Hashim dengan *Badai Semalam* (1968) memperkenalkan watak-watak wanita tabah, setia dan berwawasan. Salmi Manja menonjol sebagai penulis yang konsisten mengangkat isu-isu wanita dalam enam buah

novelnya sepanjang dekad ini, menjadikannya antara suara wanita paling tegas dalam wacana kesusasteraan Melayu moden.

Menjadi penulis wanita dalam ranah sosiobudaya Melayu bukan sekadar suatu pilihan, tetapi sebuah perjuangan sunyi yang menuntut keberanian, kesabaran dan kebijaksanaan dalam merentas arus yang sering berpihak kepada suara lelaki. Zurinah Hassan, sasterawan wanita terkemuka tanah air, telah merakamkan getir dan liku perjalanannya sebagai pengkarya wanita dalam dua naskhah penting yang bersifat autobiografikal dan reflektif: *Catatan Perjalanan di Dunia Kepenulisan* serta *Antara Bas, Feri dan Kereta Api*. Kedua-dua tulisan ini menjadi suara hati yang jujur dan nadi sejarah dalam memahami naratif kewanitaan dalam gelanggang kesusasteraan Melayu pascakolonial.

Dalam *Catatan Perjalanan di Dunia Kepenulisan*, yang merupakan ucpatama seminar bertemakan "Sirih Pulang ke Gagang" di Universiti Sains Malaysia pada tahun 2004, Zurinah menyingkap satu demi satu lapisan cabaran yang dihadapi ketika mula-mula menjejakkan kaki ke dunia penulisan pada era 1960-an yakni zaman yang masih terbelenggu dengan stereotaip gender dan kekangan budaya. Penulisan wanita ketika itu sering dipandang sinis, dianggap remeh atau lebih bersifat peribadi daripada bersifat pemikiran. Namun Zurinah, dengan ketekunan dan jiwa penyairnya, memecah tembok persepsi dan menyemai martabat kewanitaan dalam dunia pena.

Sementara itu, *Antara Bas, Feri dan Kereta Api*, yang disiarkan dalam majalah *Dewan Sastera* edisi Disember 2004, menjadi metafora perjalanan fizikal yang sekaligus mencerminkan perjalanan emosi dan intelektual seorang wanita yang mendaki bukit cita-cita. Perjalanan dalam pengangkutan awam menjadi naratif pinggirian yang menyelitkan kesunyian, penantian, dan pemisahan, semuanya dikaitkan dengan kedudukan wanita dalam masyarakat dan dunia penulisan. Ia bukan sahaja kisah zahir seorang pengembara, tetapi kisah batin seorang wanita yang menyalin dunia luar ke dalam bahasa puisi dan prosa.

Tulisan-tulisan Zurinah ini memperlihatkan bagaimana pengalaman gender dan struktur sosiobudaya membentuk identiti kepengarangan wanita. Dalam wacana feminisme Melayu, karya-karya seperti ini menjadi bahan penting yang mendokumentasikan peminggiran awal dan kemudian kebangkitan suara wanita dalam wacana kebangsaan. Zurinah Hassan mempertautkan pengalaman peribadi dengan makrostruktur budaya, menjadikan dirinya bukan sekadar penyaksi zaman tetapi juga pembina wacana; seorang wanita yang mengukir makna dalam ruang yang pernah menolaknya.

Di sudut lain, A. Wahab Ali menerusi karyanya yang berjudul *Imej Manusia dalam Sastera*, telah memberikan tumpuan yang mendalam terhadap penggambaran watak manusia dalam novel-novel yang muncul sekitar tahun 1960-an. Beliau menelusuri ragam dan gelagat manusia yang diangkat sebagai watak oleh para pengarang, serta menyorot cara pembentukan imej mereka dalam naratif yang dibina. Pendekatan analisis ini memperlihatkan keprihatinan beliau terhadap dimensi kemanusiaan dalam sastera, khususnya dalam konteks representasi watak melalui sudut pandang estetik dan sosiobudaya. Beliau turut mengangkat *Badai Semalam* (1968) sebagai antara karya hasil pena penulis wanita yang dianggap istimewa. Karya ini dipilih kerana keupayaannya menyingkap aspek kehidupan wanita secara langsung melalui lensa pengalaman dan sensitiviti wanita itu sendiri. Meskipun kedua-dua novel yang dianalisis memperlihatkan struktur naratif yang sederhana, namun kekuatan sebenar terletak pada kejelasan citra kewanitaan yang ditampilkan dengan penuh jujur dan berkesan.

Daripada penyelidikan tersebut, A. Wahab Ali mengemukakan beberapa dapatan yang signifikan berkaitan pembentukan imej wanita dalam novel Melayu. Beliau merumuskan bahawa imej wanita dalam karya-karya tersebut wujud dalam keseimbangan, antara sisi positif yang menggambarkan ketabahan, kecekalan dan keprihatinan, serta sisi negatif yang mengungkapkan kelemahan, kekangan dan konflik dalaman. Penemuan ini sekali gus membuka ruang pemahaman yang lebih luas terhadap pengaruh sastera dalam mencerminkan serta membentuk persepsi masyarakat terhadap kedudukan dan citra wanita.

Tahun-tahun 1970-an pula menjadi saksi kepada kelahiran penulis-penulis seperti Zaharah Nawawi dengan *Sebelum Penghujungnya Musim Bunga* (1972), menampilkan watak Sherin yang tabah menghadapi kemiskinan demi keluarga; Khadijah Hashim dalam *Merpati Putih Terbang Lagi* (1972), serta Fatimah Busu menerusi *Ombak Bukan Biru* (1977), sebuah karya yang menggambarkan

cabaran perkahwinan campur. Penulis wanita kini bukan sekadar menulis, tetapi mula mendefinisikan semula naratif wanita dalam masyarakat Melayu yang berubah.

Dekad 1980-an menyaksikan kesinambungan tradisi penulisan wanita yang semakin mantap. Khadijah Hashim muncul dengan *Di Tengah Kabus* (1980) yang memaparkan Ainon, seorang jururawat yang menempuh hidup penuh onak. Fatimah Busu pula dengan *Kepulauan* (1980) dan Zaharah Nawawi dengan *Jalur Sinar di Celah Daun* (1981), *Pesisir Hitam* (1985) dan *Menuju ke Puncak* (1987) menggambarkan keberanian watak-watak wanita mendepani kehidupan. Beliau turut menghasilkan *Panglima Salleh Selimpang Merah* (1988), novel sejarah yang mengangkat martabat pahlawan Melayu. Penulis seperti Rosmini Shaari juga mula mewarnai landskap penulisan dengan karya-karya seperti *Isteri* (1988) dan *Janji* (1989). Novel *Isteri* misalnya mengangkat persoalan eksistensial wanita dan nilai-nilai patriarki yang mendominasi struktur kekeluargaan. Rosmini Shaari, sebagai seorang pengarang wanita, memanfaatkan sensitiviti gender dan kehalusan emosi dalam membina konflik cinta tiga segi yang bukan sahaja berlandaskan emosi, tetapi juga mencerminkan realiti sosial masyarakat. Penceritaan dalam novel ini mengandungi unsur universal, yakni pencarian erti kebahagiaan dan perjuangan mengekalkan keharmonian rumahtangga. Manakala Obasiah Haji Usman dari Sabah menghasilkan *Malisiah* (1987), *Bertaut* (1988) dan *Pungkad* (1989), memperluas lagi suara wanita dari wilayah-wilayah periferi.

Tahun 1990-an menandai arus kematangan. *Jaringan* (1990) karya Rosmini menyorot perjuangan emansipasi wanita, sementara Khadijah Hashim dalam *Alur Hidup* (1990), *Senator Adilah* (1992) dan *Ke Mana Kasih Hendak Dibawa* (1993) menampilkan potret wanita yang gigih dan berprinsip. Zaharah Nawawi pula tampil dengan karya epik, *Anugerah*; sebuah novel setebal 1351 halaman yang menobatkan dirinya sebagai penulis wanita yang bukan sahaja prolifik, malah berwibawa dalam memperjuangkan naratif wanita melalui jalur kesusasteraan arus perdana.

KEMUNCULAN PENULIS WANITA TIMUR DALAM KEPENGARANGAN MELAYU

Dalam lorong sunyi sejarah kesusasteraan Melayu, gema suara wanita seringkali tersekat di celah-celah tembok patriarki yang tebal dan berlapis-lapis. Namun, dari sela suara yang dilupakan itu, bangkit sekumpulan pengarang wanita yang menulis bukan sekadar dari pena, tetapi dari luka, cinta, dan perjuangan. Pena mereka adalah tamsilan lidah yang memberontak secara halus terhadap sistem yang selama ini mengabaikan naratif kewanitaan. Wanita Melayu bukan sekadar objek naratif, tetapi subjek yang aktif mencorak, menyulam dan menyurat sejarah bangsa melalui wacana sastera.

Kepengarangan wanita dalam tradisi kesusasteraan Melayu, meskipun pernah dipandang dengan sisi minor, telah membuktikan keberadaan yang ampuh dan berpengaruh. Di sebalik segala keterbatasan ruang sosial dan budaya, pengarang wanita telah mengangkat pelbagai wacana tentang kemanusiaan, keadilan, keperitan, perjuangan, malah spiritualiti dengan sentuhan pengalaman peribadi yang menjadi cermin kepada denyut nadi masyarakat. Penulisan ini akan menelusuri jejak-jejak kesedaran, penentangan dan pengisian makna yang dibawakan oleh pengarang wanita Melayu, sekali gus menyelami makna kepengarangan sebagai satu bentuk perlawanan halus dan pengukuhan identiti wanita dalam landskap kesusasteraan tanah air.

Dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden, suara wanita sering kali kedengaran perlahan, tenggelam dalam arus deras penulisan yang didominasi oleh kaum lelaki. Namun, di celah-celah lembaran sejarah itu, muncul beberapa nama yang mengukir jejak dan memancarkan cahaya keprihatinan serta ketekunan seorang insan bergelar wanita. Seperti yang dinyatakan oleh Rogayah A. Hamid (1998:17), “Yang halus, yang teliti dan yang tajam persepsinya adalah wanita. Wanita juga adalah manusia yang tekun dan tidak mudah bosan.” Kenyataan ini tidak hanya bersifat pujian retorik, tetapi merupakan pengiktirafan terhadap ketajaman sensitiviti dan kecekalan wanita dalam dunia kepengarangan yang sering mencabar emosi dan intelek.

Namun begitu, realiti menunjukkan bahawa nama-nama penulis wanita sering kali timbul tenggelam, seolah-olah tidak berakar tunjang dalam medan kesusasteraan nasional. Mereka hadir dengan suara yang lunak, namun acap kali dipinggirkan daripada wacana arus perdana. Walau bagaimanapun, dekad 1960-an hingga penghujung abad ke-20 telah menyaksikan kemunculan beberapa tokoh wanita yang berdiri utuh sebagai pengarang yang berdaya saing dan berwibawa.

Nama-nama seperti Adibah Amin, Salmi Manja, Zaharah Nawawi, Khadijah Hashim, Fatimah Busu, Anis Sabirin, Habsah Hassan, Siti Zainun Ismail, Rogayah A. Hamid, Rosmini Shaari, Obasiah Haji Usman dan Azmah Nordin telah mengukuhkan kedudukan mereka dalam lapangan kesusasteraan Melayu dengan karya-karya yang menyentuh nurani pembaca, mencetus wacana kesedaran sosial dan memperjuangkan suara wanita dari pelbagai dimensi.

Kehadiran mereka bukan sekadar melengkapkan senarai nama dalam kanon sastera Melayu, tetapi lebih daripada itu, mereka telah membina wacana tersendiri yang menyelusuri persoalan gender, identiti, pendidikan, moral dan perjuangan insan dalam arus pembangunan bangsa. Maka, penelusuran terhadap kepengarangan wanita dalam tradisi sastera Melayu bukan hanya relevan, malah suatu keperluan ilmiah yang wajar diberi perhatian demi memahami keutuhan suara wanita dalam wacana budaya dan intelektual negara.

Dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden, kemunculan penulis wanita Timur bukan sekadar satu kebetulan geografi, tetapi sebuah fenomena kebudayaan yang menggambarkan perubahan arus kesedaran wanita terhadap posisi, suara dan peranan mereka dalam wacana keilmuan dan kesusasteraan. Dari ruang domestik yang sering digambarkan sebagai sunyi dan tersembunyi, mereka melangkah ke pentas pena dengan keberanian, kejujuran dan idealisme tersendiri. Penulis wanita dari Timur Semenanjung Malaysia khususnya dari negeri-negeri seperti Kelantan dan Terengganu; muncul membawa naratif yang diakar kuat pada nilai tradisi, agama, adat, dan pengalaman lokal, namun dalam masa yang sama menerobos batas konvensi melalui pendekatan kritis dan introspektif.

Walau bagaimanapun, pengalaman menjadi penulis wanita bukan sekadar diuji oleh ketajaman pena atau daya imaginasi, tetapi juga oleh keterikatan terhadap tanggungjawab domestik yang tidak pernah selesai. Dalam satu temu bual, seorang penulis wanita pernah menyuarakan keresahan yang cukup meresap: bagaimana untuk membahagikan masa antara cita-cita sastera dan tugas rumah tangga yang seakan tiada noktah. Pengakuan jujur ini bukan hanya menggambarkan dilema peribadi, tetapi mencerminkan konflik sistemik yang membelenggu wanita dalam dunia kepengarangan.

Realiti ini memperlihatkan bahawa ruang kreatif bagi penulis wanita sering terhad, bahkan terbeban oleh tanggungjawab sosial yang dianggap kod semula jadi kaum perempuan. Berbeza dengan penulis lelaki yang bebas mengatur masa dan ruang kreatifnya sama ada membaca, berdiskusi atau menyendiri untuk berkarya. Penulis wanita pula perlu bergelut dengan permintaan anak-anak, tugas dapur dan urusan rumahtangga sebelum sempat menyentuh pena. Ini menjadikan proses penciptaan karya bagi wanita sebagai sebuah perjalanan yang penuh pengorbanan senyap.

Kenyataan ini bersifat universal. Seperti yang dicatat oleh Virginia Woolf, penulis wanita sepanjang zaman seringkali tersepit antara kekangan sosial dan ekonomi yang menghalang mereka daripada merealisasikan cita-cita sastera mereka. Pandangan ini turut dipetik oleh Mohamad Mokhtar Hassan dalam kertas kerjanya bertajuk *"Feminisme: Dari Diri Penulis Wanita dalam Arus Kelangsungan Sastera"*, yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Wanita Asia Tenggara (2004). Kedua-dua tokoh ini menyuarakan isu yang sama bahawa menjadi penulis wanita bererti perlu berhadapan dengan medan perjuangan yang berganda: di medan pena dan juga di dapur rumah.

Maka, tidak hairanlah jika ramai penulis wanita menulis dalam waktu-waktu sunyi, setelah semua tugas domestik selesai, dan dalam ruang peribadi yang sempit, baik secara fizikal mahupun simbolik. Dalam konteks ini, penulisan wanita bukan sekadar proses kreatif, tetapi satu bentuk resistensi budaya dan pengukuhan identiti. Karya-karya yang lahir dari tekanan ini mengandungi bukan sahaja imaginasi sastera, tetapi juga jerit batin, keresahan sosial, dan hasrat pembebasan yang halus. Oleh itu, adalah penting untuk melihat sumbangan penulis wanita dalam sastera bukan dengan kaca mata konvensional semata-mata, tetapi sebagai manifestasi perjuangan identiti, yang dipahat dengan kesungguhan dan kecekalan dalam ruang-ruang yang sentiasa mencabar.

Antara tokoh terawal dan paling berpengaruh ialah Fatimah Busu, yang mula berkarya sejak tahun 1957. Beliau bukan sahaja prolifik dalam penulisan novel dan cerpen, malah dikenali sebagai pengarang yang tajam dalam menyorot isu-isu kemiskinan, marginalisasi wanita, dan pertembungan budaya antara Timur dan Barat. Pada gelombang yang lebih kontemporari, muncul pula nama seperti

Rebecca Ilham, seorang penulis yang terkenal dengan pendekatan introspektif dan eksistensial dalam menggambarkan dilema wanita urban dalam persekitaran moden yang penuh konflik batin. Gaya penulisannya cenderung kepada gaya elegan dan reflektif, dengan penekanan kepada suara dalaman watak wanita yang terperangkap antara kehendak peribadi dan tuntutan sosial. Era 1980-an memperlihatkan kemunculan pemuisi dan cerpenis Zawiah Che Pa. Namun, nama beliau seakan tenggelam di mamah kesibukannya sebagai wanita dalam ruang domestik. Rebecca Ilham menghadirkan suara wanita yang berani berfikir, memberontak secara senyap, dan mencari makna dalam hidup yang penuh ketidakpastian. Selain itu, terdapat juga pengarang wanita yang berada dalam ruang lingkup profesional yakni doktor perubatan tetapi banyak menghasilkan buku-buku ilmiah terutamanya novel perubatan, iaitu Nik Hazlina Nik Hussin. Begitu juga dengan Norhayati Abdul Rahman yang merupakan sarjana sastera dari Universiti Malaya. Kelima-lima tokoh ini iaitu Fatimah Busu, Rebecca Ilham, Nik Hazlina Nik Hussin, Norhayati Abdul Rahman dan Zawiah Che Pa mewakili spektrum luas kepengarangan wanita Timur yang memperlihatkan kepelbagaian gaya, pendekatan, dan latar perjuangan.

Norhayati Abdul Rahman

Berakar di bumi Tanah Merah, Kelantan, tumbuh mekar seorang wanita sarjana yang menjadikan pena sebagai senjata pemikiran dan ilmu sebagai wadah perjuangan. Norhayati, seorang pengkritik sastera yang memiliki jiwa feminis, mengukir namanya dalam dunia kesasteraan Melayu dengan tekad dan kesungguhan luar biasa. Pendidikan awal beliau yang berpaksikan akar desa di Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Kok Pasir, kemudian berkembang ke Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Mahyuddin, membentuk asas intelektual yang kukuh serta menjalin semangat cintakan ilmu yang utuh.

Perjalanan akademiknya diteruskan ke Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Melayu, di mana beliau menamatkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana dengan pengkhususan dalam Kesusasteraan Melayu dan Sastera Melayu Tradisional. Hasratnya untuk menyelami dunia pemikiran sastera secara lebih luas membawanya ke Universiti Sains Malaysia, tempat beliau menggenggam ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kesusasteraan Bandingan. Kepakarannya merangkumi tiga bidang utama: kesusasteraan Melayu, kesusasteraan bandingan, serta sastera dan gender, sebuah gabungan yang memperlihatkan kepekaan beliau terhadap naratif identiti, suara perempuan, dan analisis lintas budaya.

Sebagai pengkaji dan penulis prolific, Norhayati telah menghasilkan pelbagai karya ilmiah yang menyumbang secara langsung kepada perkembangan wacana feminisme sastera Melayu di rantau ini. Antaranya termasuk *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia* (2012) serta *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik* (2014), dua karya penting yang merintis jalan bagi penerapan teori ginokritik dalam wacana kesusasteraan tempatan. Beliau turut aktif membentangkan kertas kerja di peringkat nasional dan antarabangsa yang merangkumi tema wanita dalam sastera, naratif sejarah, hubungan budaya, metafora politik dan intertekstualiti Nusantara – antaranya *Teori Ginokritik dalam Kritikan Sastera: Satu Pengenalan* (2005), *Imej Wanita Korporat dalam Teks Kesusasteraan Melayu Moden Malaysia daripada Lensa Pengarang Wanita* (2010), dan *Pemartabatan Wanita dalam Novel Matriark dari Perspektif Feminis oleh Cheri Register* (2020).

Pengalaman beliau sebagai Profesor Madya di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya memperkukuh lagi pengaruhnya dalam lapangan kesusasteraan Melayu. Di samping menjawat pelbagai jawatan akademik seperti Ketua Jabatan Kesusasteraan, Penyelaras Program Jarak Jauh UM-OUM, dan Ketua Seksyen Kokurikulum, beliau juga aktif dalam pelbagai organisasi sastera dan sosial termasuk sebagai ahli Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA), Persatuan Bahasa Moden Malaysia, serta Persatuan Tindakan Wanita Islam Malaysia. Dengan sumbangan intelektual yang begitu menyeluruh, Norhayati bukan sekadar sarjana, tetapi juga suara perempuan yang tegar mengangkat wacana sastera dan gender ke aras pemikiran yang lebih tinggi.

Nik Hazlina binti Nik Hussain

Laksana kuntum mawar yang mekar dalam taman ilmu dan kebijaksanaan, Profesor Dr Nik Hazlina binti Nik Hussain merupakan figura wanita Melayu yang memperlihatkan keunggulan dalam bidang pendidikan, perubatan dan penulisan ilmiah, sejajar dengan aspirasi wanita unggul yang digambarkan dalam peribadi Sayyidatina Aisyah R.A, seorang cendekiawan, faqihah, dan pendidik ummah. Dilahirkan pada 24 Februari 1965, beliau bukan sahaja seorang ibu kepada lima cahaya mata yang masing-masing mewarisi ketekunan dan kecintaan terhadap ilmu, tetapi juga seorang ilmuwan yang memancarkan sinar pencerahan dalam dunia Obstetrik dan Ginekologi. Anak sulung beliau, Aina Maisarah, sedang melakar masa depan dalam bidang perubatan di Universiti Sains Malaysia, manakala adik-adiknya turut mengikuti aliran profesional dengan disulam persijilan tahfiz merupakan manifestasi didikan yang seimbang antara intelek dan spiritual, duniawi dan ukhrawi.

Nik Hazlina menempuh laluan akademik dengan penuh kecemerlangan, bermula dari Sekolah Seri Puteri sehingga menggenggam ijazah perubatan dari UKM, seterusnya melanjutkan kepakaran dalam Obstetrik dan Ginekologi di USM, dan akhirnya menimba subkepakaran Reproduksi Endokrin & Infertiliti di Royal Women's Hospital, Melbourne; pencapaian yang menggambarkan tekadnya menembus batas geografi dan wacana keilmuan antarabangsa. Sebagai pensyarah kanan dan pakar perunding, beliau tidak sekadar menyumbang kepakaran dalam dewan kuliah dan bilik pembedahan, tetapi turut memacu pelbagai gerak kerja penyelidikan berimpak tinggi dengan nilai keseluruhan geran mencecah dua juta ringgit. Keilmuannya terserlah dalam lebih 60 penerbitan jurnal antarabangsa, penyeliaan pelbagai tesis sarjana dan doktor falsafah, serta penglibatan aktif dalam sidang editorial dan penilaian jurnal terkemuka dunia.

Sifatnya yang gemar berkongsi ilmu tidak terhenti di pagar universiti. Beliau melangkah keluar ke tengah masyarakat, menjadi suara bimbingan melalui ruangan kesihatan di akhbar *Mingguan Malaysia*, rancangan *Selamat Pagi Malaysia*, dan seminar-seminar kesihatan wanita di pelbagai pelosok tanah air. Buku-buku ilmiah, popular dan novel perubatan yang dihasilkan pula bukan sahaja menyemarakkan khazanah penulisan ilmiah Melayu, bahkan menjadi jendela pengetahuan yang memudahkan masyarakat awam memahami isu kesihatan wanita secara holistik. Keperibadiannya yang lembut namun tegas, sifatnya yang tekun namun sederhana, dan usahanya yang berterusan dalam mengangkat martabat wanita melalui ilmu dan pendidikan, menjadikan beliau layak dinobatkan sebagai Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar dalam bidang Pendidikan; satu anugerah yang bukan sekadar lambang pengiktirafan, tetapi juga simbol kepada warisan keilmuan wanita yang terus menyumbang dalam membina bangsa dan ummah.

Zawiah binti Che Pa

Dalam lipatan sejarah sastera Melayu era 1980-an, terpahat nama Puan Hajah Zawiah binti Che Pa sebagai salah seorang pemuisi dan penulis cerpen wanita yang cukup berwibawa dan prolific. Beliau merupakan antara suara sastera wanita Kelantan yang memperlihatkan kekuatan estetik dan intelektual dalam dunia penulisan, khususnya dalam genre puisi dan cerpen. Karya-karyanya banyak menyingkap sisi jiwa wanita Melayu yang bergelut antara kekentalan tradisi dan gelombang arus perubahan zaman. Dalam puisinya, terlihat kematangan fikir dan ketajaman rasa, menyulam halus antara suara batin dengan nurani sosial. Beliau tidak sekadar bersajak demi estetika, tetapi menyuarakan keresahan dan harapan masyarakatnya, terutamanya kaum wanita, yang seringkali dipinggirkan daripada wacana arus perdana.

Dalam bidang cerpen, Zawiah Che Pa menyerlah sebagai pengarang yang cekap menyingkap konflik psikologi, budaya, dan nilai hidup dalam masyarakat Melayu. Cerpen-cerpennya kerap mengangkat persoalan wanita, keluarga, pendidikan dan akhlak, disampaikan dalam bahasa yang puitis dan simbolik, menjadikan karya beliau bukan sekadar hiburan minda, tetapi juga cerminan nilai dan suara zaman. Kehadiran beliau dalam arena penulisan pada era 1980-an mencerminkan kemunculan suara wanita yang bukan sahaja mampu bersaing dalam dunia sastera yang didominasi lelaki, malah turut memperkayakan khazanah kesusasteraan tanah air dengan perspektif feminin yang tajam, berani dan sarat makna. Beliau turut aktif dalam pelbagai aktiviti kesusasteraan peringkat

negeri dan kebangsaan, menjadi pemangkin kepada kebangkitan penulis wanita dari Pantai Timur. Warisan sasteranya kekal menjadi rujukan dan sumber ilham generasi pelapis hingga kini.

Fatimah Busu

Fatimah Busu merupakan antara lambang paling utuh dalam sejarah kepengarangan wanita Timur, khususnya dalam landskap Kesusasteraan Melayu Moden. Beliau bukan sekadar penulis, tetapi juga penyaksi zaman, pembentuk wacana dan pelontar gagasan, yang mengangkat naratif wanita, masyarakat desa dan konflik budaya ke pentas perbahasan nasional. Kemunculannya sebagai penulis sejak era 1950-an adalah manifestasi keberanian seorang wanita dalam menempuh ruang yang ketika itu masih dihuni dan dikawal oleh dominasi maskulin.

Sebagai penulis yang pertama kali memulakan langkah di akhbar *Warta Mingguan* pada tahun 1957, Fatimah Busu tidak terhenti hanya pada satu genre. Beliau menelusuri jalur kepengarangan yang pelbagai misalnya sajak, cerpen, drama radio, novel, malah beliau memanfaatkan sepenuhnya pelantar media seperti *Radio Malaysia*, *Dewan Sastera* dan *Dewan Masyarakat* sebagai medan menyuarakan isi hatinya dan menebarkan visi sastera yang mendalam. Nama-nama samar seperti Fatimah Bibi dan Raya Rani digunakan dalam fasa awalnya sebagai perlindungan identiti, tetapi kemudian digugurkan saat keyakinan dan idealisme beliau menemui bentuk yang mantap.

Dalam proses kreatifnya, Fatimah tidak hanya menulis dari ruang fikir, tetapi juga dari ruang rasa dan pengalaman. Keindahan alam, kemiskinan desa, pengorbanan ibu bapa, dan keimanan kepada Allah menjadi fondasi halus yang membentuk falsafah kepengarangannya. Kepekaan terhadap pancaindera zahir dan batin digunapakai dalam menyelami lapisan kehidupan masyarakat Melayu, menjadikan karyanya bukan sekadar naratif rekaan tetapi cerminan realiti yang menuntut renungan.

Kegemilangan Fatimah Busu terserlah melalui kekuatan tema dan teknik penulisan. Novel-novelnya seperti *Kepulangan* dan *Ombak Bukan Biru* memperlihatkan keberanian beliau meneroka isu besar iaitu kemiskinan, kolonialisme, nasionalisme, perkahwinan campur, serta pertembungan nilai Timur dan Barat. Dalam *Ombak Bukan Biru*, beliau tidak sekadar menelusuri hubungan cinta antara dua budaya, tetapi menelanjangkan konflik yang lebih besar: iaitu pertembungan nilai agama, maruah bangsa dan ketidakpadanan budaya. Keputusan untuk memisahkan watak Imrah dan Lawrence bukan sahaja satu penyelesaian naratif, tetapi satu kenyataan ideologis tentang pentingnya menjaga identiti budaya dalam dunia yang kian cair dan bercampur-baur.

Sebagai penulis wanita, Fatimah Busu juga tidak menulis semata-mata untuk hiburan atau romantisme. Karyanya bersifat didaktik, falsafah, dan sarat dengan nilai pencerahan. Beliau mengkritik kemiskinan bukan dengan slogan, tetapi dengan mencipta watak-watak hidup yang berjuang, berdarah, dan bermimpi dalam ruang-ruang realiti yang sempit. Penggunaan teknik perulangan frasa dan nama menjadikan naratifnya berlapis, mendorong pembaca bukan hanya membaca, tetapi mengalami.

Namun, seperti yang sering berlaku dalam sejarah sastera wanita Timur, kegemilangan itu juga diiringi dengan cabaran kejatuhan bukan dalam bentuk kehilangan mutu karya, tetapi dalam bentuk peminggiran simbolik dan kehilangan tempat dalam arus utama pasaran sastera kontemporari. Dalam era pascamoden yang ghairah terhadap hiburan dan keterbukaan pasaran, karya-karya bermakna seperti milik Fatimah Busu mula diletakkan. Watak-watak wanita kompleks yang beliau cipta, yang menggambarkan konflik identiti, agama, dan budaya, digantikan dengan watak-watak popular yang menghibur tetapi kosong makna. Media dan industri penerbitan jarang lagi meraikan karya-karya yang mempersoalkan kuasa, memeriksa sejarah, atau mempertahankan akar budaya.

Lebih parah, suara seperti Fatimah Busu tidak selalu diberi ruang yang sewajarnya dalam wacana arus perdana. Golongan muda mengenali nama beliau hanya secara permukaan, tanpa benar-benar menyelami kedalaman pemikiran dan kehalusan pengkaryanya. Dalam konteks inilah muncul keperluan untuk menilai semula apakah bentuk 'kejatuhan' yang sedang dihadapi oleh penulis wanita seperti Fatimah Busu bukan kerana mereka gagal sebagai penulis, tetapi kerana masyarakat gagal mengekalkan warisan intelektual mereka.

Kesimpulannya, Fatimah Busu ialah ikon kepengarangan wanita Melayu Timur yang telah mengharungi kemunculan dengan berani, menikmati kegemilangan melalui karya yang mendalam dan

penuh tanggungjawab, namun kini menghadapi cabaran kejatuhan secara simbolik dalam dunia yang lebih ghairah terhadap bentuk berbanding isi. Dalam dunia sastera yang terus berubah, nama seperti Fatimah Busu perlu terus disebut, dibaca dan diteliti agar suara wanita Timur tidak ditelan oleh diam sejarah.

Rebecca Ilham

Rebecca Ilham merupakan pseudonim Hazwani binti Rameli. Merupakan Timbalan Ketua Penasihat Grup Karyawan Luar Negara (GKLN) dan merupakan salah seorang moderator GKLN Cawangan Amerika Syarikat. Berpendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Petroleum) dengan pengkhususan kedua dalam Ekonomi dan Perniagaan di Colorado School of Mines (Class of 2009). Pernah memenangi tempat kedua dalam Pertandingan Menulis Esei Berunsur Sejarah Peringkat Negeri Pulau Pinang pada tahun 2000. Cerpen-cerpen Rebecca Ilham pernah disiarkan dalam akhbar Berita Harian dan Mingguan Malaysia, majalah Dewan Sastera, Dewan Budaya, Tunas Cipta, Dewan Siswa, Dewan Kosmik dan Sastera.net serta antologi cerpen terbitan GKLN: *Jalan Jauh ke Ramallah* dan *Mengemis di Kota Larangan*. Kumpulan cerpen persendirian Rebecca, “Kimono Ungu Bersulam Bunga”, telah diterbitkan oleh Ameen Books pada bulan Mei 2010. Selain itu, cerpen eceran “Anatomi Sekeping Hati II” diterbitkan dalam Mingguan Malaysia terbitan 7 April 2013, kumpulan cerpen *Hujan Hujung Januari* diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) pada Februari 2013 dan banyak lagi. Novel pertamanya, *Bumi Lestari*, memenangi tempat kedua Kategori Novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) tahun 2010. Hazwani bertugas sebagai jurutera petroleum di ibu negara dan turut melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Sastera (Kesusasteraan Melayu).

KEPENGARANGAN FATIMAH BUSU DAN REBECCA ILHAM: SATU PERBANDINGAN

Dalam khazanah kesusasteraan Melayu moden, penglibatan wanita sebagai pengarang semakin menyerlah sebagai suara yang bukan sahaja memperkaya naratif bangsa, malah turut menampilkan dimensi pengalaman dan kesedaran gender yang lebih mendalam. Dalam konteks ini, dua nama besar dari negeri Kelantan, iaitu Fatimah Busu dan Rebecca Ilham, muncul sebagai sosok penulis yang memiliki keunikan masing-masing dalam kepengarangan mereka. Meskipun keduanya berasal dari latar geografi yang sama, pendekatan, gaya, tema dan dunia wacana yang dibina melalui karya mereka menunjukkan perbezaan yang signifikan serta mencerminkan perubahan zaman dan orientasi pemikiran sastera wanita Melayu, misalnya;

ASPEK	FATIMAH BUSU	REBECCA ILHAM
Latar dan Generasi	Generasi 1970-an hingga kini; tokoh mapan dalam sastera Melayu kontemporari; berakar dalam realisme sosial.	Generasi 2000-an dan pasca 2010; muncul sebagai suara baharu wanita pascamoden yang bergabung dengan genre travelog dan metafora eksistensial.
Gaya Penulisan	Realisme kritis, padat dengan deskripsi, wacana sosial dan pergelutan kelas, menggunakan dialek Kelantan dan naratif tempatan.	Gaya kontemplatif, simbolik dan metaforikal, banyak dipengaruhi oleh sastera Jepun (Murakami), serta pendekatan intertekstual.
Tema Utama	Ketidakadilan sosial, kemiskinan, perjuangan wanita desa, pendidikan, marginalisasi masyarakat luar bandar.	Pencarian diri, kesunyian, identiti wanita urban, kesedaran feminisme lembut, dan falsafah perlarian.
Watak Wanita	Watak wanita kental dan melawan arus; contoh: Lela Mayang dalam <i>Ombak Bukan Biru</i> atau watak-watak dalam <i>Kampung Tanjung Puteri</i> .	Watak wanita yang reflektif, kontemplatif, tetapi tetap berdaya tahan secara psikologi dan spiritual.

ASPEK	FATIMAH BUSU	REBECCA ILHAM
Struktur Naratif	Linear, kronologis, menekankan kronik kehidupan dan konflik sosial.	Kadangkala tidak linear, penuh analepsis dan monolog dalaman; struktur naratif lebih bersifat eseistik dan falsafah.
Genre dan Medium	Cerpen, novel, esei kritikan sastra; pernah menjadi ahli akademik dan penulis tegar.	Cerpen, novel, travelog, penulisan media digital; gabungkan pengalaman pengembaraan dengan pemikiran sastra.
Pendekatan Feminisme	Feminisme realis; wanita sebagai mangsa struktur sosial tetapi juga sebagai agen perubahan.	Feminisme eksistensial; wanita sebagai pelari, pencari makna dan suara batin, tanpa menolak feminin dan kelembutan.
Pengaruh Utama	Tradisi realisme sosial Malaysia, penulis Melayu klasik dan pengamatan hidup rakyat.	Haruki Murakami, kesusasteraan Jepun, dan elemen sastra pascamoden barat.
Sumbangan dalam Sastra	Mewakili suara wanita desa dan kelas bawahan dalam naratif arus perdana; pelopor pemikiran feminisme sastra Melayu awal.	Pembaharuan dalam bentuk dan isi: memperkenalkan suara wanita dalam bentuk kontemporari, reflektif dan global.

Fatimah Busu mula menonjol sejak tahun 1970-an, merupakan pelopor penulisan wanita yang lantang menyuarakan realiti sosial wanita desa dan masyarakat kelas bawahan. Karya-karyanya seperti *Ombak Bukan Biru*, *Kampung Tanjung Puteri* dan beberapa kumpulan cerpen lain memperlihatkan kecenderungan kepada gaya realisme yang padat dengan kritik sosial, pengamatan teliti terhadap kehidupan marginal, serta bahasa naratif yang kuat dan mendalam. Penulis ini menempatkan watak wanita dalam posisi perjuangan, kegigihan dan keberanian untuk menentang struktur patriarki serta ketidakadilan sosial. Latar desa, dialog dialek, serta suasana kampung menjadi latar utama dalam naratif Fatimah Busu yang menampilkan watak-watak wanita seperti Lela Mayang yang sarat dengan penderitaan, namun tidak menyerah kalah.

Sebaliknya, Rebecca Ilham mewakili generasi baharu penulis wanita pasca 2010 yang lebih cenderung kepada pendekatan kontemporari dan pascamoden. Karya-karyanya seperti *Perempuan Paling Sunyi* dan travelog *Perempuan Nan Berlari* (2017) dan *Beberapa Buah Rumah Kopi* menampilkan sisi kepengarangan yang introspektif, simbolik, dan penuh dengan elemen metaforikal. Latar Jepun, pengalaman berlari, dan pencarian makna dalam kehidupan menjadi medan untuk Rebecca menyampaikan falsafah kewujudan, kesepian, dan perjuangan dalaman wanita moden. Watak-watak wanita dalam cerpennya sering kali membawa unsur kontemplatif, bersifat urban dan lebih menyentuh soal-soal batiniah berbanding perjuangan sosial secara terbuka.

Perempuan Nan Berlari misalnya memperlihatkan sinergi antara pengalaman tubuh, naratif pengembaraan, dan kekuatan metafora sebagai wacana kesusasteraan pascamoden. Melalui larik-larik catatan travelog yang berpusat di Jepun, khususnya di Osaka dan Tokyo, Rebecca membina suatu naratif feminisme introspektif yang bergerak melalui langkah-langkah fizikal larian maraton. Pengalaman peribadi sebagai pelari yang secara simbolik menjadi lambang pelarian eksistensial yang digunakan oleh pengarang untuk mempersoalkan sempadan identiti, ketahanan diri, dan perjuangan wanita dalam lanskap sosiobudaya yang rencam. Larian bukan sekadar aktiviti jasmani, tetapi digambarkan sebagai metafora perlawanan terhadap kekangan sosial, tekanan gender, dan kekosongan spiritual, yang turut disentuh secara halus melalui intertekstualiti dengan Haruki Murakami, khususnya novelnya *What I Talk About When I Talk About Running* (2007). Pengalaman berlari dalam maraton Osaka dan Toyama menjadi latar eksistensial dalam menelusuri sempadan tubuh wanita dan mentaliti bangsa melalui dimensi lintasan ruang dan waktu.

Dalam cerpen seperti "*Maraton Kampung*" dan "*Ekiden*", Rebecca menyulam falsafah larian sebagai analogi kehidupan berbangsa dan bernegara. Kejujuran, daya tahan, dan semangat kolektif menjadi teras pemikiran yang ditampilkan dalam bentuk simbolik dan tersirat. Cerpen-cerpen ini mendedahkan bagaimana wanita tidak sekadar 'berlari' daripada sesuatu, tetapi 'berlari' untuk

menemukan dirinya. Ia merupakan satu tindakan yang reflektif dan transformatif. Rumah kopi dalam travelog tersebut turut berperanan sebagai lokasi renungan dan introspeksi di mana tempat pengarang berdialog dengan masa lalu dan teks-teks sastra yang membentuk dunia wacananya. Di situlah ruang antara budaya Jepun dan Melayu disatukan dalam bentuk penghayatan budaya membaca, menulis, dan berfikir. Bagi beliau, berlari dan bersendirinya itu membentuk garis hayat. Begitulah banyaknya Rebecca belajar dan mengajar khalayak tentang menulis daripada berlari.

Dari segi gaya penulisan, Fatimah Busu jelas menganut gaya naratif realisme konvensional dengan struktur linear yang kronologis. Bahasa yang digunakan bersifat deskriptif dan berfokus pada pengembangan latar serta konflik luaran. Sebaliknya, Rebecca Ilham menampilkan gaya esistik yang bersifat reflektif dan eksperimental, kadang-kala tidak linear dan dipenuhi monolog dalaman. Struktur naratifnya lebih bersahaja, tetapi padat dengan simbolisme, malah sering menggunakan intertekstualiti dan metafora yang menuntut pembacaan berlapis.

Kedua-dua pengarang ini juga membawa pendekatan feminisme yang berbeza. Fatimah Busu mewakili aliran feminisme realis yang memaparkan penderitaan wanita dalam sistem sosial yang menindas, lalu membawa mereka ke arah kesedaran dan tindakan. Penulis ini menuntut perubahan struktural dan menyuarakan ketidakseimbangan kuasa antara lelaki dan wanita dalam masyarakat. Rebecca Ilham pula mengangkat feminisme eksistensial yakni suara wanita yang cuba memahami diri dan tempatnya dalam dunia menerusi proses pelarian, renungan dan pengalaman peribadi. Larian fizikal dalam maraton digunakan sebagai metafora perjuangan dalaman dan luaran, seperti dalam cerpen "Ekiden" dan "Maraton Kampung".

Fatimah Busu menulis dari akar bumi yang sarat dengan derita rakyat tertindas. Karyanya tegas, kritis dan bersifat membina kesedaran kolektif. Rebecca Ilham pula menulis dari langit refleksi diri; karyanya lembut namun menusuk jauh ke ruang kesedaran peribadi dan spiritual. Meskipun gaya mereka berbeza, kedua-duanya tetap memperjuangkan suara wanita dengan pendekatan yang jujur dan berseni.

Secara keseluruhannya, kepengarangan Fatimah Busu dan Rebecca Ilham mencerminkan dua kutub dalam evolusi penulisan wanita Melayu, dari realisme sosial yang menuntut keadilan, kepada kontemplasi pascamoden yang mencari makna dalam kesendirian. Perbezaan ini bukanlah pertentangan, sebaliknya adalah kesinambungan yang memperkaya panorama sastra Melayu dengan nuansa pengalaman wanita yang pelbagai, dalam zaman yang berbeza.

RUMUSAN

Kajian ini telah memperlihatkan bahawa sastra Melayu kontemporari bukan sekadar medan pengucapan estetika, tetapi juga wadah perjuangan intelektual dan emosi bagi penulis wanita dalam menzahirkan identiti serta merebut ruang wacana dalam masyarakat yang masih bersisa unsur patriarki. Melalui analisis terhadap karya-karya terpilih penulis wanita seperti Fatimah Busu, Rebecca Ilham, Nik Hazlina Nik Hussin dan Zawiah Che Pa, terbukti bahawa penulis wanita Timur membawa suara yang bukan sahaja memperjuangkan nasib dan hak wanita, malah membongkar permasalahan sosial, kebudayaan dan keagamaan yang melingkari kehidupan mereka. Watak-watak wanita yang dicipta tidak lagi bersifat pasif dan tunduk kepada norma konvensional, sebaliknya mereka tampil sebagai subjek yang sedar, berfikir dan berani menentang ketidakadilan. Naratif yang diketengahkan memperlihatkan usaha gigih penulis wanita dalam membentuk semula definisi wanita bukan sekadar sebagai simbol kelembutan, tetapi sebagai entiti yang memiliki daya fikir, kekuatan batin dan kesedaran diri. Identiti wanita yang dilakar dalam sastra kontemporari bergerak daripada citra tradisional kepada citra moden, daripada yang diam kepada yang bersuara, dan daripada yang dipinggirkan kepada yang memimpin naratif. Perjuangan wanita dalam teks sastra ini bukan sahaja berpaksi pada isu-isu gender semata-mata, tetapi juga meliputi dimensi kebudayaan, kelas, nasionalisme dan spiritualiti. Ini membuktikan bahawa sastra wanita kontemporari bukanlah wacana terasing, malah merupakan cerminan denyut nadi masyarakat yang sedang bertarung dengan pelbagai cabaran zaman. Penulis wanita kontemporari dengan itu telah berjaya memposisikan diri mereka bukan sahaja sebagai pencerita, tetapi juga sebagai pengkritik sosial, pendidik budaya dan penjana makna dalam pembentukan kesedaran kolektif bangsa. Maka, dapat dirumuskan bahawa identiti dan

perjuangan wanita dalam sastera Melayu kontemporari bukan sekadar wacana persendirian, tetapi suatu gerakan kultural yang penting dalam memperkayakan landskap kesusasteraan nasional dan menyumbang kepada pemikiran gender yang lebih adil, terbuka dan progresif.

RUJUKAN

- A.Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*, Klang: MZ Edu. Publications.
- A.Wahab Ali (1989) *Imej Manusia dalam Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali. (2007). *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ali, A.H., & Abdullah, I.R. (2018). Perwatakan wanita Melayu muslim dalam novel 'Diari Seorang Jururawat' karya Aminah Mokhtar [The characteristics of a Malay muslim woman in the novel 'Diari Seorang Jururawat' by Aminah Mokhtar]. *Journal of Nusantara Studies*, 3(2),147-161. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss2pp147-161>
- Asniza. (2019). *Wanita dan Peranannya dalam Hikayat Klasik Melayu: Satu Sorotan Feminisme Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Nordin. (1996). *Menongkah Lumrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fathenwan Wan Mohd Nor. (2021). *Biografi Ringkas Penerima S.E.A Write Award*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2003). *Kesusasteraan Melayu Tradisional: Suatu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haryati Hasan. (2014). *Citra Wanita dalam Hikayat Melayu Tradisional: Analisis Feminisme Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Mokhtar Hassan dan Abdul Razak Panaemalae (2004). *Citra Kepimpinan Melayu Dalam Cerpen Terpilih Malaysia Dan Thailand (1970-1985): Suatu Analisis Perbandingan. Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu II*. Tanjung Malim: Institut Peradaban Melayu,UPSI.
- Norhayati Ab. Rahman. (2012). *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik*. Minden: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Norhayati Ayit. (2020). *Muhammad Haji Salleh dan Siti Zainon Ismail Sebagai Penyair Alam*. Minden: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Othman Kelantan. (1987). *Sastera Melayu Moden: Permulaan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Hassan, T. R. (2024). Citra Sosiobudaya Membentuk Kepengarangan Penulis Siam Berdasarkan Cerpen 'Champa dan Pintu Gerbang' karya Eh Deng Eh Chik. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(1), 21 - 29. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/188>
- Rosnah Baharuddin. (2003). *Sastera Wanita Dan Perjuangan Identiti: Satu tinjauan kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Othman Kelantan. (1987). *Arah Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2009). *Citra Wanita dalam Novel Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2004). *Novel dalam Kritikan*. Minden: Penerbit USM.Zurinah Hassan. (2014). *Catatan Perjalanan Seni Zurinah Hassan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan dan Mawar Safei (2018) *Kemandirian Wanita Dan Ekonomi Kelantan: Satu Analisis Autobiografi Terhadap Novel Wajah Seorang Wanita*, *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*,14 issue 4 (102-114) <https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-09>